KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

E-KERATAN
AKHBAR HARIAN

10 FEBRUARI 2023

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

www.rurallink.gov.my | Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah | kkdw_gov | kkdw_gov | KKDW_GOV Official | kkdw_govofficial

TARIKH:
10 FEBRUARI 2023

HALAMAN:

ONLINE

- Utusan Malaysia ☐
- Berita Harian ☒
- Metro ☐
- Kosmo! ☐
- Sinar ☐
- Star ☐
- New Straits Times ☐
- 南洋商報 Nanyang Siang Pau ☐
- 東方日報 Oriental Daily News ☐
- Utusan Borneo ☐
- The Borneo Post ☐
- New Sabah Times ☐

Kurikulum prasekolah perlu diberi nafas baharu

Pembaharuan wujudkan sahsiah murid, bentuk masyarakat madani

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi dan Muhammad Yusri Muzamir
bhnews@bh.com.my



Ahmad Zahid bersama timbalannya, Datuk Rubiah Wang (empat dari kanan) menunjukkan Pelan Strategik 2022-2026 KEMAS pada majlis Perhimpunan Bulanan KKDW di Putrajaya, semalam. (Foto Mohd Fadli Hamzah/BH)

Putrajaya: Kurikulum pendidikan prasekolah, khususnya di Tabika Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) seluruh negara perlu diberi nafas baharu dalam usaha mewujudkan sahsiah murid yang akhirnya dapat menyumbang kepada pembentukan masyarakat madani.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, berkata pembaharuan itu perlu bagi mengimbangi bentuk pendidikan yang diberi kepada kanak-kanak masa kini yang perlu juga mengambil kira soal duniawi dan ukhrawi.

"Perkara ini harus disantuni supaya akhirnya terdapat keserasian dalam kalangan semua pelajar, termasuk yang pelbagai kaum apabila mereka berada pada peringkat menengah. Ini yang kita perlukan.

"Matlamat kerajaan untuk menyatupadukan semua, tidak hanya dilakukan menerusi program tertentu, tapi pencampuran asimilasi," katanya pada sidang media selepas Perhimpunan Bulanan Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW), di sini semalam.

Beliau yang juga Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah, memaklumkan seramai 208,000 kanak-kanak kini mengikuti pembelajaran di 10,741 kelas Tabika KEMAS di seluruh negara, dibimbing 10,059 pendidik.

Katanya, isu yang diberi tumpuan bukannya bilangan kelas prasekolah yang disediakan, sebaliknya kualiti pendidikan.

"Kita dapati di pihak kerajaan, terdapat Tabika KEMAS dan Tabika Perpaduan serta ada tabika yang ditempatkan di sekolah rendah. Saya lihat kombinasi pendidikan prasekolah, termasuk yang disediakan swasta mempunyai kohort kira-kira 500,000 murid setiap tahun yang akhirnya akan masuk Tahun Satu.

"Aset ini penting untuk didik secara selaras. Bagi membentuk masyarakat madani, ia mesti dibentuk pada peringkat 'zero' (bawah lagi). Kita tahu, apabila seorang kanak-kanak dilahirkan, maka di situ pendidikan bermula," katanya.

Dalam ucapannya, Ahmad Zahid berkata, Pelan Strategik KEMAS 2022-2026 dihasilkan bagi memenuhi matlamat itu, yang menetapkan beberapa lonjakan dan strategi serta sasaran petunjuk prestasi utama (KPI) seiring matlamat serta hala tuju negara.

Negara berpendapatan tinggi

Terdahulu pada seminar *Pemasaran Keusahawanan: Kaedah Mengembangkan Perniagaan Selepas Pandemik* anjuran Institut MarkPlus ASEAN di ibu negara, beliau berkata, Malaysia perlu menjadi negara berpendapatan tinggi seperti klasifikasi Bank Dunia dalam tempoh lima tahun akan datang.

Menegaskan peralihan itu wajar, mengambil kira kedudukan negara dalam kelompok berpendapatan pertengahan sejak lebih 20 tahun lalu, Timbalan Perdana Menteri berkata, usaha terbabit memerlukan anjakan paradigma berterusan dengan sektor swasta sebagai peneraju utama pertumbuhan negara.

Katanya, kerajaan komited mewujudkan persekitaran ekonomi yang mampu memenuhi potensi setiap lapisan masyarakat dan akan terus mengurangkan kerenah birokrasi yang menghalang perniagaan dan usahawan.

Sementara itu, katanya, bagi mengurangkan kesan pandemik COVID-19, teknologi kekal menjadi aspek penting yang mengubah sosioekonomi serta mempengaruhi pilihan pengguna, selain didorong faktor modal insan.

Mengakui banyak perniagaan, terutama perusahaan kecil dan sederhana (PKS) di negara ini berdepan pelbagai cabaran global susulan pandemik tiga tahun lalu, beliau berkata, teknologi masih perlu bergantung kepada faktor modal insan.

TARIKH:
10 FEBRUARI 2023

HALAMAN:

ONLINE

THE SUN

Use technology to channel info to rural folk

PUTRAJAYA: All departments and agencies under the Rural and Regional Development Ministry were told to utilise communication and digital technology to channel information to the rural community, as well as obtain data and information about the target group.

Deputy Prime Minister Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, who is also rural and regional development minister, said internet access and the use of smartphones should be fully utilised, including for collecting data directly from the rural community.

"Every data obtained is processed and analysed by the ministry and agencies in the process of making decisions.

"It can also be shared with other ministries to formulate national policies that are more up-to-date and close to the pulse of the people," he said at the ministry's monthly assembly.

However, Ahmad Zahid reminded ministry staff not to abandon human interaction, but to wisely combine technological and digital developments with a personal touch. – Bernama

TARIKH:
10 FEBRUARI 2023

HALAMAN:

ONLINE

CHINA PRESS

Utusan ☐
BERITA HARIAN ☒
Metro ☐
Kosmo! ☐
Sinar ☐
Star ☐
NEW STRAITS TIMES ☐
南洋商報 ☐
東方日報 ☐
Utusan Borneo ☐
THE BORNEO POST ☐
NEW SABAH TIMES ☐

Zahid ordered KKDW's agencies to make good use of digital technology to transmit information



扎希下令鄉區部機構善用數碼科技遞資訊

阿末扎希指出，乡区部属下的所有局和机构必需善用通讯数码科技，以向乡村社区传递资讯，并取得此目标群的资料和数据。

他说，必需善用互联网和智能手机，包括用以直接向乡村居民收集数据。

“部门和机构在决策过程中，都会对所收集到的每一笔数据，加以处理和进行深刻分析。”

不过，他提醒乡村部同仁，勿丢失人与人之间的交流，需精明的将科技数码发展和人情味结合起来。

此外，在部门常月集会上，扎希也推介社区发展局（KEMAS）战略计划（2022-2026），该计划将加强该部在农村社区的职能。

社区发展局目前在全国1万741所幼儿园，拥有20万8358名学生和1万59名教育工作者。

TARIKH:
10 FEBRUARI 2023

HALAMAN:

ONLINE

Utusan ☐
Berita Harian ☐
Metro ☐
Kosmo! ☐
Sinar ☐
Star ☐
New Straits Times ☐
南洋商報 ☐
東方日報 ☐
Utusan Borneo X
The Borneo Post ☐
New Sabah Times ☐

Sembilan kanak-kanak dirai pada Majlis Apresiasi Tabika KEMAS Tanjung Bijat

SRIAMAN: Sembilan kanak-kanak diraikan pada Majlis Apresiasi Tabika KEMAS Kampung Melayu, Tanjung Bijat di sini, semalam.

Guru tabika berkenaan Norhayati Salleh berkata, majlis itu bertujuan untuk menghargai usaha kanak-kanak tabika yang akan menamatkan sesi persekolahan sesi 2022/2022.

Menurutnya, empat kanak-kanak terbabit akan melangkah ke Tahun Satu bagi sesi 2023/2024, manakala lima akan meneruskan sesi pembelajaran di tabika berkenaan untuk sesi seterusnya pada tahun ini.

Terdahulu, majlis berkenaan turut dihadiri oleh Pegawai KEMAS Daerah Lubok Antu Marinda Stewart Thaim dan Penyelia Prasekolah di Jabatan KEMAS Bahagian Sri Aman Wan Habeeb Wan Mohamad.

Marinda ketika berucap ringkas memuji usaha pihak tabika atas penganjuran majlis seumpama itu.



PENGHARGAAN: Marinda (barisan belakang, lima kiri), Norhayati Salleh (barisan belakang, empat kiri) dan Wan Habeeb (barisan belakang, tiga kiri) merakamkan kenangan bersama kanak-kanak dan ibu bapa mereka pada majlis tersebut.

Menurutnya, inisiatif itu harus dicontohi tabika-tabika lain di daerah ini sebagai usaha menghargai kanak-kanak yang akan menamatkan sesi pembelajaran mereka untuk sesi tahun ini.

"Pada kesempatan ini, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada ibu bapa kanak-kanak di tabika ini kerana telah memilih Tabika KEMAS sebagai tempat anak-anak mereka menimba ilmu di peringkat prasekolah.

"Sememangnya Tabika KEMAS adalah pilihan ibu bapa. Tabika kita ini bukan sahaja diwujudkan di kawasan pedalaman, malah dada di kawasan bandar," katanya.

Selain penyampaian sijil, majlis itu turut dimeriahkan dengan persembahan kanak-kanak tabika berkenaan.

TARIKH:
10 FEBRUARI 2023

HALAMAN:

ONLINE
UTUSAN SARAWAK

Utusan ☐
Berita Harian ☐
Metro ☐
Kosmo! ☐
Sinar ☐
Star ☐
New Straits Times ☐
南洋商報 ☐
東方日報 ☐
Utusan Borneo ☒
The Borneo Post ☐
New Sabah Times ☐

Manfaatkan teknologi komunikasi, digital

PUTRAJAYA: Semua jabatan dan agensi di bawah Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) perlu manfaatkan teknologi komunikasi dan digital untuk menyalurkan maklumat kepada komuniti luar bandar, serta mendapatkan data dan maklumat mengenai kumpulan sasar itu.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi yang juga Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah berkata, capaian Internet serta penggunaan telefon pintar perlu dimanfaatkan sepenuhnya termasuklah untuk mengutip data secara terus dan langsung dari masyarakat luar bandar.

"Setiap data yang diperoleh, diproses dan dianalisis secara kritikal oleh kementerian dan agensi dalam proses membuat keputusan.

"Ia juga boleh dikongsi dengan kementerian lain demi merangka dasar-dasar negara yang lebih terkini dan dekat dengan denyut nadi rakyat," katanya ketika berucap pada majlis perhimpunan bulanan KKDW di sini, semalam.

Namun, Ahmad Zahid mengingatkan warga KKDW supaya tidak meninggalkan interaksi sesama insan sebaliknya mengaduni dengan bijaksana perkembangan teknologi dan digital dengan 'sentuhan peribadi'.

"Di sebalik keghairahan dan keinginan kita untuk bergerak maju di dalam menguasai medan digital, percayalah senyuman ikhlas dan budi bahasa yang baik akan memberikan kita bukan sahaja kerjasama dari kumpulan sasaran tetapi kepuasan peribadi melihat mereka dapat dibantu beroleh kesejahteraan hidup.

"Ingatlah relevansi KKDW ini adalah pada rakyat jelata yang masih hidup di desa dan luar bandar.

"Mereka perlu disantuni.

"Mereka mendambakan kualiti kehidupan yang baik, taraf ekonomi yang selesa dan keadilan di dalam pembangunan negara," katanya.

Pada majlis itu, Ahmad Zahid turut melancarkan Pelan Strategik Jabatan Kemajuan Masyarakat (Kemas) (2022–2026) yang akan memantapkan lagi fungsi jabatan itu dalam kalangan masyarakat luar bandar.

Dalam sidang media selepas majlis itu, beliau berkata Pelan Strategik Kemas 2022-2026 itu penting dalam melahirkan golongan pelapis baharu dalam membentuk negara Madani.

Kemas ketika ini mempunyai 208,358 murid di seluruh negara dengan 10,059 pendidik di 10,741 Tabika di seluruh negara. – Bernama



KENANGAN... Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi dan timbalannya, Datuk Rubiah Wang bergambar kenangan bersama Pengarah-Pengarah KEMAS seluruh Malaysia selepas majlis Perhimpunan Bulanan Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) Bulan Februari semalam. • Foto BERNAMA

TARIKH:
10 FEBRUARI 2023

HALAMAN:

ONLINE

Utusan Malaysia ☐
Berita Harian ☐
Metro ☐
Kosmo! ☐
Sinar ☐
Star ☐
New Straits Times ☐
南洋商報 Nanyang Siang Pau ☐
東方日報 Oriental Daily News ☐
Utusan Borneo ☒
The Borneo Post ☐
New Sabah Times ☐

Isu kemudahan Tabika, Taska KEMAS akan diusul di Parlimen

Pembangunan pendidikan kanak-kanak jadi modal insan penting

Oleh Hamzah Sanudin

TAWAU: Masalah kekurangan kemudahan pendidikan di Taman Bimbingan Kanak-Kanak (Tabika) dan Taman Asuhan Kanak-Kanak (Taska) di bawah Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) akan dibangkitkan dalam sidang Parlimen akan datang.

Ahli Parlimen Tawau Lo Su Fui berkata, pihaknya sentiasa memberi perhatian terhadap pendidikan di daerah ini terutamanya di peringkat awal kanak-kanak lagi.

"Perhatian ini sangat penting kerana kanak-kanak adalah modal insan yang bakal memimpin negara pada masa akan datang.

"Pembentukan kanak-kanak perlu dilakukan menerusi pembelajaran formal di sekolah supaya mereka mudah melangkah ke alam sekolah rendah," katanya.

Beliau berkata demikian semasa merasmikan Hari Apresiasi Tabika/Taska KEMAS Parlimen Tawau, di sini semalam.

Menurutnya, isu kecicirian kanak-kanak dalam mendapatkan pendidikan awal juga turut diberikan perhatian khususnya yang tinggal di kawasan pedalaman.

"Kita juga mendapat maklumat bahawa ada kanak-kanak tempatan yang tidak mendapat pendidikan awal kerana masalah kemiskinan keluarga mereka.

"Negeri Jiran kita Sarawak juga sudah mengambil langkah menangani isu ini dan saya akan pastikan di Sabah khususnya Tawau, masalah berkenaan mendapat perhatian kerajaan," katanya.

Sementara itu, Pegawai KEMAS Tawau Mohamad Yusli Nasir berkata, masalah kanak-kanak tercicir mendapat pendidikan awal biasanya berlaku di kawasan pedalaman sahaja.

"Kita memang berdepan dengan golongan keluarga yang kurang mampu untuk membiayai pendidikan anak-anak mereka.

"Isu ini menjadi satu cabaran dalam membentuk modal insan di kawasan pedalaman dan ia perlu kerjasama semua pihak bagi membendung masalah ini," katanya.

Mohamad Yusli berkata, pihaknya percaya kerajaan mempunyai strategi dan perancangan bagi mengenal pasti inisiatif untuk membantu golongan kurang berkemampuan.

"Saya cukup yakin masalah ini dapat diselesaikan secara berperingkat melalui peruntukan pendidikan yang diberikan oleh kerajaan," katanya.

Terdahulu, seramai 378 murid daripada 36 Tabika dan Taska KEMAS di Parlimen Tawau dirai dalam majlis itu.



TAHNIAH: Lo (empat kiri) menyampaikan sijil tamat persekolahan kepada murid Tabika, Taska KEMAS.



KENANGAN: Lo bergambar bersama guru dan ibu bapa yang hadir pada majlis itu.

TARIKH:
10 FEBRUARI 2023

HALAMAN:

ONLINE

Utusan ☐
Berita Harian ☐
Metro ☐
Kosmo! ☐
Sinar ☐
Star ☐
New Straits Times ☐
南洋商報 ☐
東方日報 ☐
Utusan Borneo ☒
The Borneo Post ☐
New Sabah Times ☐

Pendidikan awal kanak-kanak wajib sebelum masuk sekolah

Oleh Hamzah Sanudin

RANAU: Semua ibu bapa di daerah ini diwajibkan untuk memberi pendidikan awal kepada anak mereka sebelum memasuki alam persekolahan di peringkat sekolah rendah.

Ahli Parlimen Ranau Datuk Jonathan Yasin berkata, Taman Bimbingan Kanak-Kanak (Tabika) di bawah Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) antara pusat pendidikan awal kanak-kanak yang terbaik diwujudkan kerajaan sejak dahulu lagi.

Katanya, pendidikan awal membolehkan kanak-kanak dapat menguasai kemahiran 3M iaitu Menulis, Membaca dan Mengira.

"Kegagalan kanak-kanak menguasai 3M, sudah tentu akan menyukarkan mereka mengikuti pembelajaran sebenar di peringkat sekolah rendah.

"Kerjasama ibu bapa dan guru juga sangat perlu bagi memastikan kejayaan kanak-kanak pada masa akan datang," katanya ketika merasmikan Majlis Apresiasi Tabika KEMAS di sini semalam.

Mengulas mengenai majlis itu, Jonathan berkata, ia adalah inisiatif yang baik bagi menghargai dan mengiktiraf murid tabika sebelum mereka melangkah ke tahun satu.

"Saya difahamkan seramai 533 murid daripada enam Taman Asuhan Kanak-Kanak (Taska) dan 92 Tabika KEMAS di Parlimen Ranau diraikan serta berjaya menamatkan persekolahan masing-masing," katanya.

Turut hadir, Penyelia KEMAS Ranau Fairuzufikar Badsyah Mohd. Husin, para guru dan ibu bapa.



SIJIL: Jonathan menyampaikan sijil kepada salah seorang murid Tabika KEMAS.